

## **Penglibatan Golongan Rentan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti**

**Zam Zarina Md Zain<sup>1</sup>, Halijah Yusof<sup>2</sup>, Nur Azlin Azhari<sup>3\*</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Muar, Johor

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Selandar

\*Pengarang pengantara: nurazlin.azhari@kkselandar.edu.my

### **Abstrak**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah menjadi satu agenda global bagi menghadapi pelbagai cabaran dan perkembangan pantas teknologi masa kini. Pembudayaan PSH di peringkat nasional dapat memacu pertumbuhan ekonomi, kemajuan dan kemakmuran negara. Kolej Komuniti di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) memperkasakan PSH dikalangan masyarakat dan komuniti setempat sejak ia ditubuhkan pada tahun 2001. PSH Kolej Komuniti telah mewujudkan peluang melalui kursus-kursus pendek kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan rentan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penglibatan golongan rentan dalam program PSH di Kolej Komuniti seluruh Malaysia serta mengenalpasti faktor pendorong terhadap penglibatan golongan rentan dalam PSH. Peringkat pertama kajian adalah dengan menganalisa data sekunder yang diperolehi dari sistem e-PSH JPPKK bagi tahun 2019 - 2023. Seterusnya, kaedah temubual kumpulan berfokus bersama 15 orang panel yang merupakan golongan rentan yang pernah menyertai program PSH di Kolej Komuniti dijalankan bagi mengenal pasti faktor pendorong penglibatan mereka dalam PSH. Kesemua data temubual yang diperolehi kemudiannya dianalisa menggunakan analisa tematik dan diterjemahkan kedalam jadual matriks. Hasil dapatan mendapati golongan belia adalah yang paling ramai melibatkan diri dalam PSH pada tahun 2019-2023 dengan penyertaan sebanyak 356,513 orang. Tahun 2023 pula menunjukkan penglibatan golongan rentan yang paling ramai iaitu penyertaan sebanyak 194,730 orang. Penglibatan golongan rentan dalam PSH juga dilihat dapat menyumbang kembali kepada pembangunan ekonomi negara apabila golongan ini dapat bekerja sendiri, hidup berdikari dan mengurangkan kadar kebergantungan terhadap bantuan daripada kerajaan. 80% daripada panel menyatakan bahawa faktor yang mendorong penglibatan mereka dalam PSH adalah disebabkan oleh (ii) Peningkatan pendapatan dan Kemahiran, manakala 73% menjawab (i) minat dan sikap serta (iv) Fleksibel dan kebolehcapaian. Ini menunjukkan beberapa penambahbaikan boleh dilaksanakan bagi bagi meningkatkan lagi kadar keterlibatan semua kategori golongan rentan terutamanya golongan ibu tunggal, OKU dan orang asli. Hal ini kerana aspirasi untuk membudayakan PSH bagi komuniti setempat serta golongan rentan adalah usaha berterusan yang perlu dimainkan oleh semua pihak dalam memastikan objektif PSH negara dapat direalisasikan dengan jayanya

**Kata kunci:** Golongan Rentan, Pandemik COVID-19, PSH

## 1.0 Pengenalan

Dalam era globalisasi dan perkembangan pantas teknologi masa kini, masyarakat digesa untuk memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan yang boleh meningkatkan kemahiran dan pendapatan. Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dilihat dapat bertindak sebagai mekanisme yang boleh mendorong perkembangan manusia secara berterusan dan holistik. Ini kerana pembelajaran sepanjang hayat merangkumi aspek pembangunan manusia secara berterusan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kecekapan (EC, 2001). Di peringkat global, komitmen UNESCO terhadap pembelajaran sepanjang hayat dicerminkan dalam pelbagai program dan inisiatif. UNESCO mengiktirafkan PSH sebagai satu hak asasi kepada rakyat dalam mendapatkan akses dalam pendidikan tanpa mengira status sosio-ekonomi, jantina atau lokasi geografi mereka (UNESCO,2000). UNESCO juga menggariskan PSH sebagai jentera bagi pembangunan mampan sesebuah negara. Bagnall (2011) menyokong idea tersebut dengan menggariskan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara berkait rapat dengan polisi pembelajaran sepanjang hayat yang dibawa oleh sesebuah kerajaan. Agenda Pendidikan 2030 UNESCO menunjukkan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dalam menggalakkan pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Inisiatif-inisiatif ini disambut baik oleh kerajaan Malaysia dan ini telah dijadikan sumber rujukan dalam pelan pembangunan dan pelan pendidikan negara.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), kerajaan menyedari kepentingan pendidikan dalam memacu pertumbuhan ekonomi, kemajuan dan kemakmuran negara. Oleh itu, salah satu lonjakan yang digariskan dalam pelan pembangunan tersebut adalah pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di peringkat nasional kepada rakyat Malaysia tanpa mengira usia, tahap pendapatan ataupun latar belakang. Inisiatif ini membolehkan semua lapisan masyarakat mempunyai akses dalam usaha untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran. Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap manfaat PSH, kerajaan telah menambah baik kualiti program sedia ada dan memperkenalkan lebih banyak program yang berinovatif dan relevan seiring dengan kehendak semasa. Di Malaysia, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di bawah institusi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) seperti Kolej Komuniti telah menjadi pemangkin utama dalam pemerkasaan PSH dikalangan masyarakat dan komuniti setempat.

Kolej Komuniti yang ditubuhkan pada tahun 2001 merupakan hub pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan modal insan melalui pendidikan dan latihan kemahiran kepada semua peringkat masyarakat di Malaysia (Ahmad, 2017). Ghazalan (2015), menyatakan bahawa konsep pembelajaran berterusan secara terbuka telah membuka mata masyarakat terhadap kebaikan pelaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat. Sehingga kini, Kolej Komuniti menawarkan pelbagai kursus panjang dan pendek kepada semua lapisan masyarakat merentas segenap aspek demografi dan juga sosio-budaya serta sosio-ekonomi yang ingin meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Melalui

program pembolehdayaan modal insan, PSH di Kolej Komuniti telah mewujudkan peluang kepada semua lapisan masyarakat. Ia termasuk golongan miskin tegar atau golongan B40 untuk mereka meningkatkan taraf hidup dan keluar dari belenggu kemiskinan. Komitmen kerajaan Malaysia dalam meletakkan golongan rentan sebagai fokus dalam PSH sekali lagi terbukti apabila Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan bertemakan 'Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat', telah memperuntukan sebanyak RM5 juta bagi pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di 105 buah Kolej Komuniti. Inisiatif ini dijangka memanfaatkan 5,000 komuniti tumpuan sekaligus merakyatkan ilmu kepada komuniti rentan seperti OKU, Orang Asli, ibu tunggal dan warga emas. Selaras dengan itu juga, Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2021-2025 turut menggariskan Kolej Komuniti sebagai agensi yang akan bersama-sama mendukung aspirasi kerajaan dalam memperkasa ekonomi penduduk setempat. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penglibatan golongan rentan dalam program PSH di Kolej Komuniti seluruh Malaysia serta untuk mengenalpasti faktor pendorong terhadap penglibatan golongan rentan dalam PSH.

## **2.0 Sorotan Kajian**

### **2.1 Peranan PSH**

Integrasi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam sistem pendidikan Malaysia telah membuka ruang kepada segenap lapisan masyarakat dengan asas-asas pembelajaran yang ditawarkan di sesebuah institusi pendidikan (Wan Ahmad et al., 2011). Ianya merupakan salah satu usaha kerajaan Malaysia untuk meningkatkan ekonomi negara melalui pelaburan dalam pembangunan sumber manusia dengan melahirkan individu holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Inisiatif PSH melalui program-program yang ditawarkan bertujuan untuk meningkatkan prestasi kerja, pengetahuan, kemahiran dan tahap pendidikan seseorang individu (Makhtar, 2015). Seajar dengan pembangunan sosio-ekonomi negara, rakyat sudah mula menyedari tentang kepentingan pengembangan ilmu dan kemahiran demi kemajuan dan kepuasan diri. PSH kini bukan sahaja terhad kepada golongan profesional yang ingin menambah pengetahuan malah turut melibatkan golongan lain termasuk suri rumah, pesara, golongan kurang upaya dan warga emas (Zulkefli, 2005). PSH turut mengambil bahagian secara aktif dalam kehidupan sivik, menerajui gaya hidup yang lebih mampan dan meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan. (Dunn, 2003). Aris et al. (2019) menambah kursus dan program berkonsepkan PSH ini juga mampu menjana modal insan yang holistik, meningkatkan sosio-ekonomi individu dan keluarga dan dalam masa yang sama memupuk perpaduan komuniti setempat.

### **2.2 Golongan rentan Malaysia**

United Nation Electronic Government development Index Survey (UNEG-DI) mengklasifikasikan golongan rentan kepada Wanita, Warga Emas, Orang



Kelainan Upaya (OKU), Orang Miskin, Belia, Pelarian atau Imigran. Golongan rentan merupakan kumpulan yang terjejas teruk semasa pandemik Covid-19 melanda pada tahun 2020. Golongan miskin tegar atau kumpulan berpendapatan rendah B40 menerima kesan buruk selepas punca ekonomi mereka terjejas kerana diberhentikan dari pekerjaan, dicutikan tanpa pemberian gaji atau tiada peluang untuk bekerja akibat Perintah Kawalan Pergerakan (Zanariah, 2020) serta berdepan dengan risiko pengurangan gaji (Raja Noraina, 2020). Komuniti warga emas pula mengalami impak negatif dari sudut sosial, ekonomi serta kesihatan (Fischer et al., 2020). Memandang berat isu kesejahteraan dan kebajikan golongan ini, kerajaan Malaysia sentiasa komited dengan menawarkan pelbagai inisiatif untuk membantu. Majlis Pemulihan Negara (MPN) contohnya turut mengengahkan pelan demi membela kebajikan golongan rentan pasca pandemik Covid-19 serta peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut menegaskan bahawa kebajikan golongan rentan ini merupakan tanggungjawab bersama semua pihak dan tidak boleh dipandang remeh. Oleh yang demikian pelbagai program berbentuk peningkatan kemahiran (upskilling) diperbanyakkan demi membantu golongan ini.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Bagi mencapai objektif kajian ini, metodologi pengumpulan data dan analisa data telah digunakan. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan data primer bagi mengenal pasti faktor pendorong penglibatan golongan rentan dalam PSH manakala data sekunder digunakan untuk mengenalpasti kadar penglibatan golongan rentan dalam PSH di Kolej Komuniti Malaysia. Bagi peringkat pertama kajian, data sekunder iaitu jumlah penyertaan peserta PSH mengikut kategori golongan rentan di seluruh Kolej Komuniti Malaysia bagi tahun 2019 sehingga 2023 diperolehi melalui sistem web e-PSH, JPPKK. Data kemudiannya, dianalisa dan diterjemahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Dalam peringkat kedua kajian, kaedah pengumpulan data kualitatif menggunakan temubual separa berstruktur kepada kumpulan berfokus telah dijalankan untuk mengenal pasti faktor pendorong penglibatan golongan rentan dalam PSH. Seramai 15 orang panel telah dipilih terdiri daripada 3 orang panel bagi setiap kategori golongan rentan iaitu belia, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya dan juga miskin. Kesemua panel merupakan peserta yang pernah menyertai PSH di Kolej Komuniti. Data sekunder seperti jurnal, artikel, keratan akhbar, buku dan laporan telah digunakan dalam membangunkan soalan untuk temubual kumpulan berfokus. Kesemua data yang diperolehi kemudiannya dianalisa menggunakan analisa tematik dan diterjemahkan untuk menjawab objektif kajian.

#### 4.0 Analisis dan Perbincangan

##### 4.1 Penglibatan Golongan Rentan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Seluruh Malaysia

Pembelajaran sepanjang hayat dibawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti merujuk kepada program kursus pendek yang melibatkan keseluruhan 105 Kolej Komuniti induk dan cawangan di seluruh Malaysia. Menurut Garis Panduan Pelaksanaan PSH Edisi 2023 (JPPKK, 2023a), golongan rentan seperti belia, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), miskin (B40) dan orang asli merupakan antara kumpulan fokus yang terlibat dalam pembelajaran sepanjang hayat. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2024) juga telah menggariskan beberapa objektif utama Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti:

- i. Menganjur dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan.
- ii. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula untuk keperluan tenaga kerja setempat.
- iii. Menyediakan rangkaian strategik untuk pengukuhan aktiviti sosio-ekonomi dalam kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh; dan
- iv. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.

Oleh yang demikian, peranan Kolej Komuniti dalam membudayakan PSH dikalangan golongan rentan adalah berfokus dan berjaya menyediakan menyediakan program-program dan latihan kemahiran kepada segenap lapisan masyarakat di Malaysia termasuk golongan rentan di Malaysia. Penglibatan golongan rentan dalam PSH di Kolej Komuniti seluruh Malaysia mulai tahun 2019 sehingga 2023 dinyatakan seperti dalam Jadual 1. Hal ini menunjukkan wujudnya kesedaran terhadap kepentingan PSH dikalangan golongan rentan di Malaysia.

**Jadual 1:** Penglibatan Golongan Rentan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti (2019-2023)

Golongan Rentan	Bilangan Peserta					
	2019	2020	2021	2022	2023	
Belia (18-30)	112 449	47 590	49 917	75 980	79 577	365 513
Warga Emas	4809	2711	2080	8054	7893	25 547
Ibu Tunggal	2427	1583	1904	2743	3200	11 857
Orang Kurang Upaya (OKU)	5280	1289	1482	3078	4977	16 106
Miskin	47 466	30 502	41 725	42 575	98 319	260 587
Orang Asli	606	382	221	1574	764	3547
	173 037	84 057	97 329	134 004	194 730	683 157

Sumber: Sistem e-PSH, JPPKK

Hasil dapatan dari Jadual 1 menunjukkan, keseluruhan seramai 683 157 orang peserta dari golongan rentan telah terlibat dengan program PSH di seluruh Malaysia. Golongan belia berumur 18 hingga 30 tahun merupakan kategori yang paling ramai terlibat dengan program PSH di Kolej Komuniti dengan tahun 2019 mencatatkan penyertaan tertinggi dengan 112 449 orang peserta. Bagi warga emas dan orang asli, penyertaan tertinggi direkodkan pada tahun 2022 iaitu seramai 8054 orang peserta; warga emas dan 1574 orang peserta; orang asli diikuti dengan 7893 orang peserta; warga emas dan 764 orang peserta; orang asli pada tahun 2023. Bagi kategori ibu tunggal dan miskin, kedua kategori menunjukkan trend penyertaan yang sama dengan tahun 2023 menunjukkan bilangan penyertaan tertinggi dengan 3200 orang peserta ibu tunggal dan 98 319 orang peserta miskin.



**Rajah 1:** Bilangan peserta PSH di Kolej Komuniti mengikut kategori dalam tempoh 5 tahun (2019-2023)



**Rajah 2:** Bilangan peserta PSH dari golongan rentan di Kolej Komuniti dalam tempoh 5 tahun (2019-2023)

Rajah 1 menunjukkan bilangan peserta PSH di Kolej Komuniti sepanjang 5 tahun mengikut kategori. Jumlah tertinggi penyertaan adalah seramai 365 513 orang peserta iaitu dari kategori belia diikuti dengan golongan miskin (260 587 peserta), seterusnya warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan akhir sekali orang asli (3547 peserta). Bagi penglibatan mengikut tahun, tahun 2023 pula menunjukkan bilangan penyertaan terbanyak dari golongan rentan dengan jumlah peserta seramai 194 730 orang, manakala pada tahun 2020 menunjukkan nilai penyertaan terendah dengan jumlah 84 057 orang peserta (Rajah 2). Hal ini mungkin disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada awal tahun 2020. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia mulai 18 Mac 2020 telah membatasi pergerakan rakyat Malaysia dan seterusnya menyumbang kepada penurunan ini. Bagi peningkatan peserta selepas pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa pandemik COVID -19 telah berjaya mengangkat kepentingan terhadap PSH ke peringkat paling tinggi. Ini kerana masyarakat mula sedar mengenai kepentingan PSH dalam mengembangkan peluang dan kemahiran dalam memajukan diri. Di Malaysia, PSH sering dikaitkan dengan peningkatan produktiviti dan kebolehpasaran (Bax and Hassan, 2003).

#### **4.2 Faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Golongan Rentan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia**

Kolej komuniti di Malaysia memainkan peranan penting dalam memupuk pembelajaran sepanjang hayat, terutamanya bagi golongan rentan di Malaysia. Beberapa faktor mempengaruhi penglibatan peserta dalam pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti adalah:

- (i) Minat dan sikap (Haque et al., 2015; Sawar et al., 2016)
- (ii) Peningkatan pendapatan dan kemahiran (Ting et al., 2015)
- (iii) Kurikulum dan tenaga pengajar (Abdul Aziz et al., 2020)
- (iv) Fleksibel dan kebolehcapaian (Hashim et al., 2019)
- (v) Polisi dan bantuan dari pihak berwajib (Kassim et al., 2019)

Berdasarkan dapatan dari kajian lepas, satu set soalan bagi temu bual separa berstruktur telah dibangunkan merangkumi kesemua faktor diatas. Temu bual separa berstruktur telah dijalankan kepada kumpulan fokus iaitu golongan rentan terdiri daripada ibu tunggal, warga emas, belia, orang miskin dan orang kelainan upaya (OKU) bagi mengkaji faktor yang mempengaruhi penglibatan golongan rentan dalam kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti. Keseluruhan 15 orang panel yang dipilih merupakan peserta yang pernah terlibat dengan kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti. Semua dapatan daripada temu bual telah ditranskripsi, dianalisis menggunakan analisis tematik dan diterjemahkan ke dalam jadual Matriks (Jadual 2) seperti di bawah.



**Jadual 2:** Jadual Matrix bagi hasil temubual dengan 15 orang panel mengikut tema

Tema	IBT1	IBT2	IBT3	WRE1	WRE2	WRE3	BEL1	BEL2	BEL3	GMS1	GMS2	GMS3	OKU1	OKU2	OKU3
*MNS		X		X	X	X	X	X	X		X		X	X	X
*PDK	X	X	X		X	X		X		X	X	X	X	X	X
*KTP							X	X	X				X		X
*FDK	X		X	X	X	X	X		X	X	X	X		X	
*PDB	X	X	X	X						X		X			

\*MNS: Minat dan sikap  
 PDK: Peningkatan pendapatan dan kemahiran  
 KTP: Kurikulum dan tenaga pengajar  
 FDK: Fleksibel dan kebolehpasaran  
 PDB: Polisi dan bantuan dari pihak berwajib

Dari 15 orang panel, 12 orang panel (80%) menyatakan bahawa faktor yang mendorong penglibatan mereka dalam pembelajaran sepanjang hayat adalah (ii)Peningkatan pendapatan dan Kemahiran. Ting et al. (2015) menyatakan bahawa faktor kenaikan gaji dan kenaikan pangkat, memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik dan rancangan untuk membuka perniagaan adalah antara beberapa faktor yang mendorong individu untuk mengambil bahagian dalam program PSH. Seperti yang kita semua sedia maklum, pandemik COVID-19 telah menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi global yang menyaksikan kejatuhan beberapa industri dan seterusnya mendorong kepada peningkatan dalam kadar pengangguran. Hal ini menyebabkan kesedaran untuk mengikuti PSH meningkat terutamanya buat golongan rentan di Malaysia. Ini kerana PSH dapat memupuk asimilasi sosial, meningkatkan daya saing dan perkembangan individu serta kebolehpasaran setiap individu (Cronholm, 2021). Ini kerana Kolej Komuniti dilihat boleh memberi peluang kedua kepada golongan yang keciciran dalam pendidikan di usia awal mereka untuk untuk meneroka lebih banyak peluang yang lebih baik dalam kehidupan (Sasway, 2017).

Manakala bagi faktor (i) Minat dan sikap serta (iv) Fleksibel dan kebolehpasaran, 73% panel bersetuju bahawa faktor-faktor ini juga menyumbang kepada penglibatan dalam pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti. Pelajar sepanjang hayat biasanya mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran melalui dari sikap ingin tahu, minat dan semangat mereka untuk belajar (Bryce, 2006). Menurut Ajzen dan Fishbein (1991), minat adalah faktor yang boleh mendorong seseorang untuk mengubah sikapnya dan membolehkan seseorang untuk melakukan aktiviti jika dia sangat berminat dengannya. Haque et al., (2015) pula menyatakan bahawa minat seseorang untuk terlibat dalam PSH biasanya terhasil dari niatnya untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Fleksibiliti dalam pendidikan dilihat daripada perspektif tiada had umur atau kriteria kemasukan akademik serta jadual, kurikulum dan kaedah pengajaran yang fleksibel (Leach & Webb, 1993). Program PSH di Kolej Komuniti memenuhi kriteria fleksibiliti dalam pembelajaran dengan menawarkan PSH kepada seluruh lapisan masyarakat di Malaysia tanpa mengira usia, agama, bangsa,



pangkat, tahap pendidikan, tahap pendapatan serta tahap keupayaan. Program PSH di Kolej Komuniti juga banyak dijalankan dalam mod atas talian bagi meningkatkan keboleh capaian peserta untuk menyertai program PSH pada bila-bila masa dan di mana jua mereka berada (Nur Azlin et al., 2023).

Bagi faktor (v) Polisi dan bantuan dari pihak berwajib, hanya 6 dari 15 panel bersetuju. Namun, 6 dari 9 panel yang terdiri daripada ibu tunggal, warga emas dan miskin bersetuju Polisi dan bantuan pihak berwajib merupakan faktor penyumbang dalam penglibatan pembelajaran sepanjang hayat. Dapatan ini disokong oleh kajian lepas yang menyatakan, keberkesanan perkembangan individu melalui pendidikan bukan terhasil dari tindak balas dalaman atau individu sahaja tetapi juga dari sokongan luar seperti pembuat dasar atau kerajaan khususnya (Kassim et al., 2019). Loads (2007), pula menyatakan bahawa PSH merupakan satu tanggungjawab negara dalam memastikan setiap rakyat mendapat hak dan peluang yang sama rata dalam bidang pendidikan di dalam usaha memastikan kesamarataan dan keadilan sosial dapat dicapai. Selari dengan itu beberapa inisiatif dalam membudayakan dan memperkasakan PSH dari pihak kerajaan Malaysia terhadap golongan rentan di Malaysia dapat dilihat diantaranya melalui penganjuran Program 'Women's Empowerment at Kolej Komuniti 2022' serta Karnival PSH Komuniti Madani 2023. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2023b) menyatakan karnival ini telah berjaya melibatkan seramai 14,545 orang peserta dan ini menunjukkan bahawa peranan Kolej Komuniti adalah amat diperlukan dalam usaha menyediakan program-program dan latihan kemahiran kepada segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

Manakala bagi faktor (iii) Kurikulum dan tenaga pengajar menunjukkan peratus terendah dengan hanya 33% panel bersetuju. Ini kerana faktor kurikulum dan tenaga pengajar mungkin dapat dinilai sekiranya sesi pembelajaran dijalani dalam tempoh masa yang panjang. Bensimon (2007), menyatakan impak tenaga pengajar terhadap pelajar akan dikesan sekiranya pelajar dapat membina keyakinan dan mengupayakan kemahiran serta pengetahuan sebagai persediaan untuk ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Hal ini tidak dapat dicapai kerana, kebanyakan PSH yang ditawarkan di Kolej Komuniti dijalankan dalam bentuk kursus pendek yang dijalankan dalam tempoh singkat seperti satu hari hingga setahun (Ma, 2014).

## **5.0 Rumusan dan Cadangan**

Berdasarkan dapatan kajian, penglibatan golongan rentan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti; 2019-2023, jelas menunjukkan golongan ini tidak ketinggalan dalam agenda pembelajaran sepanjang hayat yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam usaha memberi kesamarataan kepada rakyat dalam memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran diri serta pengetahuan sekaligus meletakkan Malaysia dilandaskan yang betul menuju aspirasi negara maju. Penglibatan golongan rentan dalam PSH juga dilihat dapat menyumbang kembali kepada pembangunan ekonomi negara apabila golongan ini dapat bekerja sendiri, hidup berdikari dan menyurangkan kadar kebergantungan terhadap

bantuan dari kerajaan. Kajian juga menunjukkan bahawa beberapa faktor pendorong terhadap golongan rentan dlm PSH boleh diperkasakan bagi meningkatkan lagi kadar keterlibatan semua kategori golongan rentan terutamanya golongan ibu tunggal, OKU dan orang asli. Pelbagai bentuk promosi dan penambahbaikan kurikulum kursus perlu dilaksanakan selaras dengan kehendak semasa dan pasaran terutama kemahiran AI dan IR4.0 serta mencangkupi kehendak semua golongan. Disamping itu, polisi dan inisiatif kerajaan turut memainkan peranan dalam membudaya PSH bagi golongan ini. Peruntukan bantuan kewangan dan dana latihan yang lebih menyeluruh disamping pembentukan dasar dan pelan yang holistik serta penawaran program berimpak tinggi melalui PSH di Kolej Komuniti dilihat dapat membantu menggalakkan penyertaan golongan rentan dalam PSH. Kesimpulannya, aspirasi untuk membudayakan PSH bagi komuniti setempat serta golongan rentan adalah usaha berterusan yang perlu dimainkan oleh semua pihak dalam memastikan objektif PSH negara dapat direalisasikan dengan jayanya.

### **Rujukan**

- Abdul-Aziz, S.N., Zulkifli, N., Zakariya, Z., Ramli, N., Abdul Razak, A. and Mat Yamin, F. (2020). The Push and Pull Factors Regarding Community Involvement in Lifelong Learning (LLL) in Selangor, Negeri Sembilan and Melaka. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*. 24 (08). 2522-2532
- Ahmad, M. J. 2017. Pembangunan kerangka kompetensi pensyarah technical and vocational education and training (TVeT) di Kolej Komuniti. (Masters Thesis). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1991). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behaviour*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Aris, N., Bakar, R. N. A. A., & Mohamad, N. (2019). Kajian Persepsi Peserta Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Terhadap Latihan Khas (Kluster Pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 3(1), 52-61.
- Bensimon, E. M. (2007). The underestimated significance of practitioner knowledge in the scholarship on student success. *The Review of Higher Education*, 30(4), 441-469.
- Bryce, J. (2006). Schools and Lifelong Learners. In J. Chapman, P. Cartwright, & E. J. McGilp, *Lifelong Learning, Participation and Equity* (pp. 243-263). Dordrecht: Springer.
- Dunn, E. (2003). *Life Through Learning; Learning Through Life, The Lifelong Learning Strategy for Scotland: Summary* (p. 3). The Scottish Government, Retrieved 2011 Sep. 30, from: <http://www.scotland.gov.uk/Resource/Doc/47032/0028820.pdf>.
- EC, Commission of the European Communities. (2001). *Communication from the Commission, Making a European Area of Lifelong Learning a Reality*. COM. Lifelong Learning. Brussels
- Fischer, F., Raiber, L., Boscher, C., & Winter, M. H. J. (2020). COVID-19 and the elderly: Who Cares?. *Frontiers in public health*, 8, 545953.

- Ghazalan, M. S. 2015. Tahap kesediaan peserta program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kecenderungan menceburi keusahawanan di Kolej Komuniti Negeri Johor. (Masters Thesis). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hashim, E., Ramli, N. R., Mahdinezhad, M., Hashim, A., & Jalil, N. A. (2019). 'Push-Pull' Model of Lifelong Learning in Perak and Selangor. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 12–21.
- Haque, A., Anwar, N., & Sarwar, A. (2015). The Effect of Country-of-Origin Image, Ethnocentrism and Religiosity on Purchase Intension: An Empirical Investigation on Bangladeshi Consumers. *Indian Journal of Marketing*, 45(10), 23-35
- JPPKK, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. 2023a. Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Edisi 2023. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Putrajaya, Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2023b). Karnival PSH Komuniti Madani Diiktiraf MBOR, Penyertaan Kursus Pendek Teramai dan Serentak Di Seluruh Negara: Siaran Media. 14 Oktober 2023. Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2024). Maklumat Umum PSH di Kolej Komuniti. Retrieved on June 2024 from <https://www.mypolycc.edu.my/index.php/artikel/190-maklumat-umum-psh-kolej-komuniti>
- Kassim, Z., Buang, N. A., & Kadir, R. A. (2019). Government Support in Learning through Lifelong Learning Programmes. *Religación. Revista De Ciencias Sociales Y Humanidades*, 4(19), 180-183.
- Leach, R., & Webb, R. (1993). Opportunities through open learning. In J. Calder (Ed.), *Disaffection and diversity: Overcoming barriers for adult learners* (pp. 91-109). London: The Falmer Press.
- Loads, D. (2007). Effective Learning Advisers' perceptions of their role in supporting lifelong learning. *Teaching in Higher Education*, 2(12), 235-245.
- Ma, X.B. (2014). Perception Of Lifelong Learning - Priority, Expected Value and Continuation of Lifelong Learning. Master thesis. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Nur Azlin, A., Nur Hidayah, A.M., & Zam Zarina, M.Z. (2023). Lifelong Learning Education Landscape of Kolej Komuniti Selandar Post Pandemic: Lecturer Perspective. E- Proceedings of Regional TVET Conference Volume 2. Port Dickson, Malaysia. 421-428
- Raja Noraina, R. I. (2020). Lebih dua juta dijangka menganggur | Harian Metro.
- Sarwar, A., Yong, G.-F., Khan, N., & Oh, V. (2016). Factors influencing the intention of Malaysian working adults towards lifelong learning. *Knowledge Management & E-Learning*, 8(2), 227-242.
- Sasway, H. (2017). Factors that Influence Community College Students' Interest in Science Coursework. Post Doctoral Thesis. Stony Brook University. USA.



- Wan Ahmad, W.R., & Mohd. Hashim, M. H. (2011). Pelaksanaan Program Pendidikan Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (Thesis). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zanariah Abdul Mutalib. (2020). Kerajaan perlu terus imbangi bantu rakyat bangunkan ekonomi. Diambil <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/782287/perkasakan-ir40> dalam-situasi-covid-19.
- Zulkefli, H. A. (2005). Profesionalisme Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.